



## KENYATAAN MEDIA

### PEMAKAIAN PELITUP MUKA DI MASJID DAN SURAU DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu dan selaras dengan ketetapan terkini kerajaan berkaitan kelonggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan COVID-19.

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) melalui Kenyataan Media oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 15 Mei 2020 telah menetapkan bahawa pemakaian pelitup muka di masjid dan surau dalam negeri Terengganu adalah diwajibkan dan arahan tersebut masih berkuat kuasa sehingga ke hari ini.

Walau bagaimanapun melihat kepada perkembangan semasa kes positif Covid-19 di Negeri Terengganu daripada maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu yang menunjukkan kadar kemasukan pesakit kes Covid-19 ke hospital dan penggunaan wad rawatan rapi (ICU) yang rendah dan semakin berkurangan.

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas perkembangan semasa yang semakin baik.

Selaras dengan perkembangan semasa dan juga dengan Kenyataan Media Menteri Kesihatan Malaysia pada 7 September 2022 berkaitan Semakan Semula Keperluan Pemakaian Pelitup Muka, maka Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) selepas mendapat pandangan dan nasihat daripada Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Negeri Terengganu dengan ini mengambil keputusan dan ketetapan bersetuju menetapkan bahawa pemakaian pelitup muka di dalam masjid dan surau seluruh Negeri Terengganu sebagaimana berikut:

**Semua para jemaah masjid dan surau diberi pilihan untuk memakai pelitup muka.**

**Walau bagaimanapun kepada individu yang bergejala seperti demam, batuk dan selesema serta individu yang berisiko tinggi pemakaian pelitup muka amat digalakkan.**

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyeru supaya rakyat jelata agar terus menjaga dan meningkatkan kebersihan diri dan juga keluarga lebih-lebih lagi dengan ketibaan Ramadan Al-mubarak nanti.

Baginda mengucapkan selamat berpuasa kepada semua muslimin dan muslimat dan berdoa semoga semua rakyat jelata sentiasa berada di dalam kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Ramadhan 1444H bersamaan 23 Mac 2023M.

**Menjunjung titah,**



**DATO' HAJI SHAIKH HARUN BIN SHAIKH ISMAIL**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

**20 MAC 2023M BERSAMAAN 27 SYAABAN 1444H**